

# FAHAM ILMU DALAM ISLAM: PENGAMATAN TERHADAP TIGA TAKRIFAN UTAMA ILMU<sup>1</sup>

Mohd Zaidi Ismail

## Khulasah

Meskipun terdapat pelbagai takrifan terhadap ilmu yang pernah dikemukakan oleh para ilmuwan Islam silam, namun, apabila satu-satu takrif itu digunakan pada ketika yang wajar lagi sesuai, ia pasti dapat menjelaskan ciri dan segi ilmu yang tidak diliputi oleh takrif-takrif yang lainnya. Dalam makalah ini, tumpuan diberikan kepada tiga bentuk takrifan yang setiap satunya berperanan menyerlahkan beberapa sifat dan watak ilmu yang utama dan penting. Takrif yang pertama menegaskan bahawa ilmu itu suatu sifat insani yang menerangi; takrif yang kedua pula merumuskan ilmu sebagai pegangan atau kesimpulan yang benar, yakin, dan berasaskan bukti yang munasabah; manakala takrif yang ketiga, sebagaimana yang dirumuskan kembali oleh S. M. N. al-Attas, menjelaskan ilmu sebagai *ketibaan ma'na sesuatu pada diri, sekaligus keberhasilan diri menyerapinya*.

---

1 Makalah ini berasal daripada sebuah kertas kerja yang bertajuk "Faham Ilmu dalam Islam: Satu Pengenalan Ringkas" yang dibentangkan dalam *Seminar Sehari Pengukuhan Pandangan Alam Islam*, anjuran bersama HAKIM dan PKPIM pada 13 Disember 2009, bertempat di Institut Integriti Malaysia (IIM).

**Kata-kata kunci:** ilmu, takrif, sifat insan, diri insan, *al-nafs*, sifat cahaya, kejelasan, yang dimaklumi, iktikad, kebenaran, yakin, *yaqīn*, *ẓann*, *shakk*, taklid, *taqlīd*, *dalīl*, bukti, makna, *ma'na*, al-Attas, *ḥuṣūl*, *wuṣūl*, maklumat

### Abstract

Although past Muslim scholars had offered many definitions and descriptions of knowledge, if each description is used on the right occasion, it may then shed light on some aspects and characteristics of knowledge which are not properly dealt with by the other descriptions. This article focuses on three such descriptions, each functioning to make manifest certain important and principal features and attributes of knowledge. The first description emphasizes that knowledge is an attribute of man that enlightens; the second description summarizes it as a belief or conviction that is true, certain and based on right proofs; while the third description, as reformulated by S. M. N. al-Attas, explains knowledge as *the arrival in the soul of the meaning of a thing as well as the arrival of the soul at the meaning of a thing*.

**Key words:** knowledge, definition, human attribute, human self or soul, *al-nafs*, the quality or property of light, clarity, the known, belief, truth, certainty, *yaqīn*, *ẓann*, *shakk*, “blind” following, *taqlīd*, *dalīl*, proof, meaning, *ma'na*, al-Attas, *ḥuṣūl*, *wuṣūl*, information

### Mukaddimah Ringkas

Agama Islam serta kebudayaan dan peradaban yang terbit darinya telah menempatkan ilmu pada kedudukan yang sangat istimewa dalam tatanan (sistem) nilainya.<sup>2</sup>

2 Untuk huraian lanjut tentang perkara ini, sila rujuk beberapa karya Profesor Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud yang berkaitan, antaranya: *Penjelasan Budaya*

Keistimewaan yang diberikan pada ilmu ini jelas terpancar, misalnya, pada banyaknya karya dalam Tradisi Keilmuan Islam yang semata-mata berbicara tentang ilmu. Termasuk dalam kumpulan karya yang memberikan tumpuan khusus kepada ilmu ini adalah tulisan-tulisan yang bertujuan menjelaskan hakikat dan sifat ilmu melalui usaha pentakrifannya.<sup>3</sup> Tokoh-tokoh ilmuwan daripada pelbagai aliran pemikiran yang diakui dalam Tradisi Keilmuan Islam telah memberikan sumbangan yang cukup berharga yang masih boleh terus dimanfaatkan hingga ke zaman kita ini, terutamanya setelah pelbagai takrifan yang pernah mereka kemukakan itu diberikan nafas baru melalui usaha perumusan kembali takrifan-takrifan tersebut dalam ruang-lingkup semasa dengan cara yang berdaya cipta (*creative*). Tanpa syak lagi, Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan sarjana dan pemikir Islam semasa yang giat menganjurkan perumusan kembali (*reformulation*) ini melalui berbagai tulisan beliau.<sup>4</sup>

---

*Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1991) atau edisi barunya, *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2003); "Bab 2: Epistemologi Islam dan Institusi Ketamadunan" (hal. 29-77) dan "Bab 4: Kerangka Keilmuan Tamadun Melayu" (hal. 110-146), dalam *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2006); dan *Iklīm Kehidupan Intelektual di Andalusia: Satu Cerminan Islamisasi Dua-Dimensi*, Siri Gerak Andalusia (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (USM), 2007).

- 3 Pengumpulan berbagai penjelasan dan takrifan tentang ilmu dalam Tamadun Islam ini telah diusahakan oleh ramai para ilmuwan Islam sejak dahulu lagi, antaranya: Aḥmad b. Muṣṭafā Ṭāsh Kubrā Zādeh dalam *Miftāḥ al-Sa'ādah wa Miṣbāḥ al-Siyādah fī Mawḍū'at al-'Ulūm*, 3 jilid (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.); Ṣiddīq b. Ḥasan al-Qannawjī, *Abjad al-'Ulūm*, suntingan 'Abd al-Jabbār, 3 jilid (Damshiq: Manshūrāt Wizārat al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qawmī, 1978); al-'Allāmah Muḥammad 'Alī Tahānawī dalam [*Mawsū'at*] *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*, suntingan 'Alī al-Dahrūj, 2 jilid (Beirut: Librairie du Liban, 1996); dan al-Qāḍī 'Abd al-Nabī b. 'Abd al-Rasūl al-Aḥmad Nigarī dalam [*Mawsū'at Muṣṭalahāt*] *Jāmi' al-'Ulūm* [dikenali juga dengan judul *Dustūr al-'Ullamā'*], suntingan 'Alī al-Dahrūj (Beirut: Librairie du Liban, 1997). Franz Rosenthal pula merupakan salah seorang daripada kalangan para orientalis yang turut menyumbang melalui karyanya yang bertajuk *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1970).
- 4 Antara karya-karya utamanya yang berkaitan adalah: *Islām and Secularism* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1978); *The Concept*

## Usaha pentakrifan ilmu dan syarat-syaratnya

Tiadapat dinafikan bahawa terdapat sejumlah takrifan yang telah diutarakan oleh para alim ulama kita dan sememangnya terdapat perdebatan yang hangat di kalangan mereka dalam menentukan takrifan manakah yang paling bertepatan dengan hakikat dan sifat ilmu.<sup>5</sup> Usaha untuk menentukan takrifan mana yang paling layak dan bersesuaian itu pastinya mempertimbangkan pelbagai syarat yang telah dipersetujui sebagai syarat-syarat takrifan yang sah.<sup>6</sup> Antara syarat-syarat tersebut yang boleh disebut secara ringkas di sini adalah:<sup>7</sup>

1. Takrifan tersebut seharusnya merangkumi segala unsur yang benar-benar mencirikan ilmu dan menafikan sebarang elemen yang tiada kena-mengena dengan hakikat ilmu. Syarat ini secara ringkasnya diungkap dalam Bahasa Arab sebagai ciri *al-jāmi' wa'l-māni'* (inclusive as well as exclusive).
2. Yang-mentakrif (*definiens*) harus lebih jelas daripada yang-ditakrif (*definiendum*). Syarat ini

---

*of Education in Islām: A Framework for an Islamic Philosophy of Education* (Kuala Lumpur: ABIM, 1980); *The Positive Aspects of Tasawwuf: Preliminary Thoughts on an Islamic Philosophy of Science* (Kuala Lumpur: Akademi Sains Islam (ASASI), 1981); *Prolegomena to the Metaphysics of Islām* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995; edisi ke-2, 2001); *Risalah untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001); dan *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (USM), 2007).

- 5 Sebagai contoh, beberapa takrifan yang diperbahaskan secara terperinci ini boleh didapati dalam al-Imām 'Aḍud al-Dīn 'Abd al-Rahmān b. Aḥmad al-Ījī (w. 756H), *al-Mawāqif fī 'Ilm al-Kalām* (Kaherah: Maktabat al-Mutanabbi, t.t.), 9-11; dan syarah kepada kitab tersebut oleh al-Sayyid al-Sharīf 'Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (w. 816H), *Sharḥ al-Mawāqif*, 8 jilid dalam 4 buah buku (t.t.: al-Hajj Muhammad Afandi, 1907) 1: 61-86.
- 6 Untuk satu contoh perbincangan yang terperinci tentang syarat-syarat bagi suatu takrifan yang sah ini, sila rujuk karya seorang tokoh terkemuka Asha'irah, iaitu, al-Imām Sayf al-Dīn al-Āmidī (w. 631H), *Abkār al-Afkār fī Uṣūl al-Dīn*, ditahkikkan oleh Dr. Aḥmad Muḥammad al-Mahdī, 5 jilid (Kaherah: Maṭba'at Dār al-Kutub wa al-Wathā'iq al-Qawmiyyah, 2002), 1: 177-185.
- 7 Untuk penjelasan ringkas dalam Bahasa Inggeris terhadap syarat 2 dan 3, lihat makalah penulis (Mohd Zaidi) yang bertajuk "Reason and Understanding" yang disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 28 Julai 2009.

bolehlah dirumuskan sebagai “Syarat Kejelasan” (*the rule or principle of clarity, or non-ambiguity*).

3. Yang-ditakrif mestilah tiada didapati, atau tidak diulang-sebut, dalam yang-mentakrif. Syarat ini bolehlah dirumuskan sebagai “Syarat Kehampaan *Dawr* dan *Tasalsul*” (*the rule or principle of non-circularity*).

Tidak mudah sebenarnya untuk sebarang takrifan itu memenuhi ketiga-tiga syarat di atas, apatah lagi syarat-syarat yang lain. Justeru kerana kesukaran untuk menemui suatu takrifan yang pasti dan tepat tentang ilmu ini—iaitu, takrif yang diistilahkan dalam Bahasa Arabnya sebagai *ta’rīf bi’l-ḥadd*—maka terdapat para alim ulama, seperti Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī (w. 478H) dan Ḥujjat al-Islām Imām Abū al-Ḥāmid al-Ghazzālī (w. 505H), yang berpendapat bahawa yang paling munasabah ialah mentakrifkan ilmu melalui pendekatan pengkelasan (*al-qismah*) dan perumpamaan (*al-mithāl*).<sup>8</sup>

Namun, bagi membimbing masyarakat umum—khususnya golongan pelajar di peringkat yang agak maju<sup>9</sup>

8 Al-Āmidī, *Abkār*, 1: 77ff. Untuk perbincangan mendalam tentang hal ini, sila lihat al-Jurjānī, *Sharḥ al-Mawāqif*, 1: 67ff. Satu daripada perumpamaan-perumpamaan tersebut—iaitu: ilmu sebagai bayangan pada cermin—telah penulis (Mohd Zaidi) manfaatkan dalam dua makalah berbahasa Inggeris yang diterbitkan dalam akhbar *The Star*: satu daripadanya bertajuk “Knowledge and the Parable of Mirror,” disiarkan pada 30 Mei 2006, manakala yang satu lagi berjudul “Hurdles to Gaining Knowledge,” diterbitkan pada 25 Mac 2008.

9 Yang dimaksudkan dengan “golongan pelajar di peringkat yang agak maju” ini ialah kalangan pelajar yang bukan baru bermula berjinak-jinak dengan ilmu tetapi sudah agak terdedah kepada perbincangan-perbincangan ilmiah. Bagi pelajar-pelajar di peringkat yang baru bermula pula, salah satu kaedah yang terbaik untuk mereka memahami pentingnya ilmu ialah dengan meneliti ayat-ayat al-Qur’an, hadis-hadis Nabawi, dan kisah-kisah para ilmuwan ulung yang ada kena-mengena dengan ilmu dan penuntutannya. Antara karya-karya lanjutan yang turut boleh dimanfaatkan oleh golongan ini adalah karya al-Imām al-Ḥāfiṣ Abū ‘Umar Yūsuf ibn ‘Abd al-Barr (w. 463H) yang bertajuk *Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlihi*, suntingan Mus’ad ‘Abd al-Ḥamīd (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000); dan karya al-Imām Aḥmad b. Shu’ayb al-Nasā’ī yang berjudul *Kitāb al-‘Ilm*, suntingan dan kajian oleh Fārūq Ḥamādah (Herndon: The International Institute of Islamic Thought (IIIT), 1993).

—untuk menghayati budaya ilmu, pelbagai takrifan tersebut boleh dimanfaatkan untuk memahamkan mereka tentang beraneka segi, ciri, sifat dan watak ilmu. Dengan kata-kata lain, sekalipun suatu takrifan yang benar-benar tepat lagi tuntas itu belum berjaya ditemui atau dirumuskan oleh manusia, berbagai takrifan yang terdapat dalam karya-karya agung ilmuwan Islam itu, bila setiap satunya digunakan pada ketika yang wajar lagi sesuai, pasti akan dapat menjelaskan ciri dan segi ilmu yang tidak diliputi oleh takrifan-takrifan yang lainnya.

Dalam makalah yang ringkas ini, penulis hanya akan menumpukan kepada tiga bentuk takrifan yang pernah dikemukakan oleh para sarjana Islam yang terdahulu yang setiap satunya berperanan menyerlahkan beberapa sifat dan watak ilmu yang utama dan penting. Takrifan yang pertama menegaskan bahawa ilmu itu suatu sifat insani yang menerangi; takrifan yang kedua pula merumuskan ilmu sebagai iktikad yang benar, yakin, dan berasaskan bukti yang munasabah; manakala takrifan yang ketiga, sebagaimana yang dirumuskan kembali oleh Profesor al-Attas, menjelaskan ilmu sebagai *ketibaan ma'na sesuatu pada diri*, sekaligus *keberhasilan diri menyerapinya*.<sup>10</sup>

### **Ilmu sebagai suatu sifat pada diri insan yang meneranginya**

Ada ketikanya, ilmu itu dijelaskan sebagai “sifat yang dengannya perkara yang disebut itu menjadi nyata terang pada diri yang memilikinya” (*al-'ilm...huwa ṣifah yatajallā bihā al-madhkūr li-man qāmat hiya bihi*).<sup>11</sup> Takrifan ini antara

10 Al-Attas, *Risalah*, 122. Terdapat juga beberapa pengertian ilmu yang lain yang sangat berkaitan antara satu sama lain yang turut dinukilkan oleh al-Attas dalam *ibid.*, 51ff.

11 Takrifan ini merupakan takrifan pilihan Imām Sa'd al-Dīn Mas'ūd b. 'Umar al-Taftāzānī (w. 793H/1390M) dalam karyanya *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*, sebagaimana yang terkandung dalam kumpulan karya yang berjudul *Majmū'at al-Hawāshī al-Bahiyah 'alā Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*, 2 jilid (t.t. [Mesir]: Maṭba'at Kurdistan al-'Ilmiyyah, 1329H), 1: 39. Kumpulan karya ini turut mengandungi sejumlah karya lain yang bertindak sebagai penjelasan kepada syarah al-Taftāzānī itu, termasuk antaranya: *Hāshiyah* dan Nota-

lain menerangkan bahawa ilmu itu adalah suatu sifat pada diri insan. Ia juga turut menjelaskan bahawa sifat ini berperanan menjadikan sesuatu perkara itu jelas ketara kepada diri manusia; justeru ia berlainan dengan sifat-sifat insan yang lain. Ilmu itu sebenarnya sesuatu yang terang pada dirinya lagi menerangi diri siempunyanya. Ia laksana cahaya. Kerana itu, kata-kata atau istilah yang digunakan untuk merujuk kepada usaha ilmiah pada dasarnya berkaitan dengan cahaya dan sifatnya (seperti: ketara, terang, jelas, nyata, dan sinar dalam Bahasa Melayu; atau, dalam Bahasa Inggerisnya: *ex-plain*, *en-lighten*, *clarify* yang terbit daripada perkataan *clarity*, dll.).

Fungsi ilmu dalam menjadikan sesuatu itu jelas menyerlah sangat berkait rapat dengan kefahaman teras dalam Tradisi Ilmiah Tamadun Islam bahawa proses (atau gerak-daya) mengetahui itu merupakan suatu kemajuan diri manusia (khasnya, akal dan kalbu insan); iaitu, pergerakan seseorang yang bermula dari perkara-perkara yang sedia terang dan diketahui dan dengan bantuan serta panduan perkara-perkara itu, dia maju menuju ke arah lingkungan yang masih gelap, kabur, atau belum diketahui untuk meneroka dan membongkarnya.<sup>12</sup> Kemestian bermula dari sesuatu yang sedia terang ini—seperti pernyataan “keseluruhan lebih besar daripada bahagiannya,” yang merupakan satu daripada perkara-perkara akliyah yang

---

nota Keterangannya oleh Mullā Aḥmad al-Jundī; *Hāshiyah* oleh al-'Allāmah al-Khayālī; dan *Hāshiyah* 'Abd al-Ḥakīm al-Siyālkūti terhadap *Hāshiyah* al-Khayālī itu.

- 12 Untuk keterangan lanjut tentang proses ilmiah sebagai suatu kemajuan dalam pergerakan diri akliyah-ruhaniah insan, lihat halaman-halaman akhir kedua-dua makalah penulis (Mohd Zaidi bin Ismail) yang berikut: “The Cosmos as the Created Book and its Implications for the Orientation of Science,” *Islam & Science: Journal of Islamic Perspectives on Science* 6, bil. 1 (Summer 2008): 31-53; dan “Kosmos dalam Pandangan Hidup Islam dan Orientasi Sains Masyarakat Muslim,” *Islamia: Jurnal Pemikiran dan Peradaban Islam* III, bil. 4 (2008): 12-31. Untuk penjelasan ringkas berkenaan dengan kaitan antara kefahaman teras di atas dan syarat-syarat takrifan yang sah, lihat makalah penulis yang bertajuk “Reason and Understanding” yang disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 28 Julai 2009. Untuk huraian lanjut terhadap hubungan antara keyakinan dan kejelasan, rujuk makalah penulis, “Logic in al-Ghazālī’s Theory of Certitude,” *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 1, bil. 1 & 2 (1996): 95-125.

diistilahkan sebagai *al-badihiyyāt* (*self-evident* atau *apriori propositions*)—sebenarnya bertepatan dengan satu prinsip ilmiah, atau peraturan akliah, yang diterima-pakai dengan meluas di kalangan para ilmuwan Islam, iaitu dasar “*tahṣīl al-ḥāsil muḥāl*” (penghasilan apa yang sudah sedia terhasil, atau pencarian sesuatu yang sudah sedia ada, diberi atau dijumpai, tidak dapat diterima oleh akal).<sup>13</sup>

Sekiranya diamati dengan lebih dalam lagi dan dikaitkan dengan sabda Nabi s.a.w. yang menyatakan bahawa Adam a.s. itu dicipta menurut *ṣūrah* (acuan sifat dan nama) Penciptanya, kefahaman bahawa ilmu itu merupakan sejenis sifat yang menerangi pasti mengingatkan manusia bahawa pada hakikatnya, Ilmu secara mutlaknya adalah satu daripada Sifat-Sifat Allah SWT dan “Yang Maha Mengetahui” itu merupakan satu daripada Nama-Nama Allah SWT; justeru, ilmu yang dimiliki oleh manusia itu sama sekali tidak terlepas daripada Ilmu Tuhan, bahkan berpunca daripada Ilmu-Nya. Malah, sebarang usaha insani dalam menuntut dan memperoleh ilmu itu hanya sekadar satu langkah untuk menuruti panduan yang terungkap dengan padat dalam seruan “Berakhlaklah dengan Akhlak-Akhlak Allah.”<sup>14</sup>

13 Contoh penggunaan prinsip atau peraturan ini dalam hujah-hujah ilmiah dapat dilihat (misalnya, pada hal. 17) dalam karya al-Imām Fakhr al-Dīn Muḥammad b. ‘Umar al-Rāzī (w. 606H/1209M) yang berjudul *Muḥaṣṣal Afkār al-Mutaqaddimān wa al-Muta’akhhirīn min al-‘Ulamā’ wa al-Ḥukamā’ wa al-Mutakallimīn*, suntingan Tāhā ‘Abd al-Ra’ūf Sa’d (Kaherah: Maktabat al-Kulliyāt al-Azhariyyah, t.t.), yang turut mengandungi karya yang bertajuk *Talkhīṣ al-Muḥaṣṣal* oleh seteru ilmiahnya, al-‘Allāmah Naṣīr al-Dīn al-Ṭūsī. Lihat juga Mohd Zaidi bin Ismail, *The Sources of Knowledge in al-Ghazālī’s Thought: A Psychological Framework of Epistemology* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 2002), 3.

14 Untuk keterangan lanjut tentang semua ini dan hadis-hadis Nabi yang berkaitan, rujuk hadis-hadis ke 8547 dan 8549 dalam *Su’ab al-Imān*, karangan al-Imām Abū Bakr Aḥmad al-Bayhaqī, disunting oleh Muḥammad al-Sa’īd Basyūnī Zaghlūl, 9 jilid (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), 6: 365-367; al-Imām Muḥammad b. Ismā’īl al-Ṣan’ānī, *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām*, yang turut mengandungi ibn Hajar al-‘Asqalānī’s *Nukhbat al-Fikr fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, 4 jilid dalam 1 buku (Bandung, Indonesia: Maktabah Daḥlān, t.t.), 4: 108-110; ibn al-Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 18 jil. (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1992), di bawah daftar kata “ḥ-ṣ-y”; huraian tentang hadis ke 6227 dalam Kitab ke-79: *Kitāb al-Isti’dhān*, Bab 1: *Bāb Bad’ al-Salām* oleh ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 15 jilid (Al-Riyāḍ: Dār al-Salām,



## Ilmu sebagai iktikad yang benar, yakin, dan berdasar

Imām al-Ghazzālī pernah menjelaskan dalam kitabnya, *Al-Munqidh min al-Dalāl*, bahawa ilmu yang sebenar-benarnya (*ḥaqīqat al-‘ilm*) itu ialah ilmu yang bersifat atau bertaraf yakin (*al-‘ilm al-yaqīnī*). Maknanya, jika sesuatu pegangan itu didakwa sebagai ilmu tetapi tidak bersifat yakin, maka pegangan itu bukan ilmu sebenarnya. Ia semata-mata satu dakwaan yang tidak berdasar. Untuk menjelaskan sifat ilmu yang sedemikian itu, al-Ghazzālī memberikan contoh seseorang yang mendakwa bahawa 3 lebih besar daripada 10 dan sebagai buktinya, beliau memperlihatkan kemampuannya menukar seutas tali menjadi seekor ular atau seketul batu menjadi segumpal emas. Biarpun begitu hebat kebolehan sipendakwa tersebut, orang yang yakin bahawa 3 lebih kecil bilangannya daripada 10 tetap tidak akan terpedaya dengan helah sipendakwa itu, biarpun beliau barangkali kagum dengan kebolehannya itu.<sup>15</sup> Ringkasnya, hubungan antara keyakinan (atau kepastian) dan ilmu sedemikian erat hinggakannya yang satu tidak mungkin ada tanpa yang satu lagi.

---

1997), 11: 6; dan al-Sayyid Muḥammad b. Muḥammad al-Ḥusaynī al-Zabīdī (terkenal dengan gelaran Murtaḍā), *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 14 jilid (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 12: 44ff. and 576-577. Untuk huraian lanjut tentang bagaimana manusia seharusnya bersikap terhadap Nama-Nama dan Sifat-Sifat Allah itu, lihat Imām al-Ghazzālī, *Al-Maqṣad al-Asnā’ fī Sharḥ Ma’ānī Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, suntingan Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī (Limassol: Al-Jaffān wa al-Jābī, 1987); terjemahan Inggeris oleh David B. Burrell dan Nazih Daher, *The Ninety-Nine Beautiful Names of God* (Cambridge: The Islamic Texts Society, 1992; cetakan semula 1995); Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Lawāmi’ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta’ālā wa al-Ṣifāt*, suntingan Ṭāhā ‘Abd al-Ra’ūf Sa’d (Kaherah: Maktabat al-Kullīyyāt al-Azhariyyah, 1976); dan ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz b. ‘Abd al-Salām, *Shajarat al-Ma’ārif wa al-Aḥwāl wa Ṣāliḥ al-Aqwāl wa al-A’māl*, suntingan Iyād Khālīd al-Ṭabbā’ (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu’āsir, 1991; cetakan semula, 1996).

15 Al-Imām Abū Ḥamid Muḥammad al-Ghazzālī, *al-Munqidh min al-Dalāl*, sebagaimana yang terhimpun dalam kumpulan karya yang dihasilkan oleh ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd berjudul *Qaḍīyyat al-Taṣawwuf* (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, 1988), 330. Lihat terjemahannya dalam R. J. McCarthy, *Deliverance from Error: An Annotated Translation of al-Munqidh min al-Dalāl and Other Relevant Works of Al-Ghazzālī* (edisi cetakan semula oleh Louisville: Fons Vitae, daripada Twayne Publishers, 1980), 55. Lihat juga Mohd Zaidi, “Logic in al-Ghazzālī’s Theory of Certitude,” 96-99.

Salah satu cara untuk kita memahami perkaitan yang rapat antara keyakinan dan ilmu itu ialah dengan pendekatan kebahasaan, iaitu melalui cara memperhalusi kaedah yang betul dalam penggunaan kata-kata “yakin,” “pasti,” “ilmu,” dan “tahu,” dan memperhatikan ketepatan serta keserasian maksud kata-kata itu. Kepelikan atau kejanggalan dapat dirasakan sekiranya seseorang itu mendakwa “Saya *tahu*, di luar sana hari sedang hujan tetapi saya *tidak yakin* bahawa di luar sana hari sedang hujan.” Namun, pada masa yang sama, tidaklah janggal sekiranya dia mendakwa “Saya *sangka*, di luar sana hari sedang hujan tetapi saya *tidak yakin* bahawa di luar sana hari sedang hujan.”

Justeru, ilmu turut dihuraikan oleh sebahagian ulama sebagai “iktikad (yakni: pegangan, kesimpulan atau kepercayaan) yang benar, yakin dan berdalil” (*al-i’tiqād al-muṭābiq al-jāzim al-thābit*; juga *al-‘ilm al-thābit...huwa al-yaqīn al-jāmi’ li al-muṭābaqah wa al-jazm wa al-thabāt...al-i’tiqād al-jāmi’ li al-awṣāf al-thalāthah*).<sup>16</sup> Dengan kata-kata lain, ilmu itu melibatkan pegangan atau kesimpulan (*al-i’tiqād*) yang memiliki 3 ciri atau sifat, iaitu: (1) bertepatan dengan hakikat apa yang berlaku (*al-muṭābiq [li al-wāqi’]*); (2) kukuh dan pasti (*al-jāzim*); dan (3) bersandarkan bukti yang munasabah (*al-thābit*).

Kefahaman yang sedemikian akan menjadi semakin jelas sekiranya ia diperbandingkan dengan beberapa

---

16 Mullā Aḥmad al-Jundī dalam *Ḥāshiyah* dan Nota-nota Keterangannya seperti yang terkandung dalam *Majmū‘at*, 1: 57-58. Sebagai perbandingan, dalam Falsafah Barat Moden, pemahaman teras Aliran Analitik terhadap ilmu (*knowledge*) sebagai *justified true belief* lebih mirip dengan Takrifan ini. Sudah terdapat terlalu banyak karya di Barat yang membicarakan pemahaman teras mereka ini dan pelbagai kritikan terhadapnya (khususnya yang diajukan oleh Edmund Gettier pada tahun 1963). Satu contoh karya pengenalan yang memberikan liputan tentang wacana tersebut ialah Bahagian ke-2 (Epistemology), yang terdiri daripada 5 bab (Bab 3-7), bermula khususnya dari hal. 72 dan seterusnya, dalam karya J. P. Moreland dan William Lane Craig, *Philosophical Foundations for a Christian Worldview* (Downers Grove: InterVarsity Press, 2003). Bandingkan juga dengan “Bab ke-2: The Problem of Knowledge and Skepticism,” khususnya hal. 43ff., dalam James W. Cornman, Keith Lehrer dan George S. Pappas, *Philosophical Problems and Arguments: An Introduction*, edisi ke-4 (Indianapolis/Cambridge: Hackett Publishing Company, 1992).

keadaan yang berlawanan yang akan timbul jika mana-mana daripada 3 ciri atau sifat yang disenaraikan di atas itu tadi tiada:

1. Pegangan itu semata-mata *jahl* atau kejahilan (lebih teruk lagi, *al-jahl al-murakkab*, yakni: kejahilan berganda) sekiranya ia tiada sifat *muṭābiq*, iaitu: betul, benar, bertepatan dengan apa yang benar-benar berlaku atau terjadi. Kata-kata Mullā Aḥmad al-Jundī dalam Nota Penjelasannya (*al-Ḥāshiyah*) terhadap Sharah al-Taftazānī kepada *al-'Aqā'id al-Nasafiyah*: "*al-jahl: al-i'tiqād al-jāzim ghayr al-muṭābiq.*" Termasuk sebenarnya dalam kejahilan ini apa-apa kecenderungan diri insan yang dinamakan *wahm*, iaitu: kepercayaan, dakwaan atau pegangan yang silap yang tetap dipegang meskipun orang yang mempercayainya itu sama sekali tidak menafikan bahawa lawannya itu berkemungkinan betul. Contohnya: "Pegangan aku bahawa 'Hadis Nabi tidak layak dijadikan panduan' ini betul tapi pegangan aku itu mungkin sahaja salah."
2. Pegangan itu semata-mata *zann* atau sangkaan (juga dugaan, ramalan, jangkaan, pendapat, pandangan, hipotesis, teori dan yang seumpamanya) sekiranya ia tiada sifat *jāzim*, iaitu: tidak goyang, pasti lagi muktamad, jelas putus, tiada kemungkinan lain, bukan teragak-agak. Kata-kata Mullā Aḥmad: "*al-zann: al-i'tiqād al-muṭābiq ghayr al-jāzim.*" Pada hakikatnya, jika seseorang itu yakin terhadap sesuatu perkara, maka bagi beliau, tiada kemungkinan yang lain daripada perkara itu. Hal ini akan menjadi semakin jelas jika kita memahaminya dalam ruang-lingkup beberapa lawan kepada keyakinan. Pertamanya, *zann* di mana seseorang itu berpegang dengan sesuatu dakwaan itu namun beliau tiada sama-sekali menolak kemungkinan bahawa lawannya (yang sebenarnya palsu) itu betul atau benar. Contohnya:

“Pegangan aku bahawa ‘tiada rasul selepas Nabi Muhammad s.a.w.’ ini betul tapi pegangan aku itu mungkin sahaja salah.” Keduanya, *shakk*, iaitu keraguan, di mana seseorang itu tidak pasti sama ada sesuatu dakwaan itu benar atau palsu, betul atau salah. Contohnya: “Yang mana satu yang betul ni: ‘Tuhan itu benar-benar wujud’ ke atau ‘Tuhan itu hanya khayalan manusia?’”; ataupun “al-Qur’ān itu selama ini telah diyakini benar seutuhnya tapi sekarang ini, sudah ada sarjana-sarjana yang hebat Bahasa Arabnya yang menyatakan al-Qur’ān itu juga penghasilan budaya zaman tertentu dan justeru kebenarannya juga bersifat nisbi; Eh, yang mana satu yang betul ni?” Ringkasnya, keyakinan itu kepercayaan seseorang akan kebenaran sesuatu perkara yang menafikan sama sekali sebarang kemungkinan atau kebarangkalian yang lain. Justeru boleh disimpulkan bahawa meskipun keyakinan bukan seerti dengan ilmu atau syarat yang memadai (*sufficient condition*) bagi ilmu, ia tetap suatu ciri teras atau unsur asasi (*necessary element*) bagi ilmu. Dengan kata-kata lain, jika hilang keyakinan, hilanglah ilmu sebagaimana akan tiadanya air apabila musnahnya atom oksigen.<sup>17</sup>

3. Pegangan itu semata-mata *taqlīd* atau ikut-ikutan semata-mata sekiranya ia tiada sifat *thabāt*, iaitu: sabit lagi kukuh dengan dalil, teguh lagi stabil oleh sebab bukti, malah kekal berpanjangan, tiada mungkin bertukar, kerana petunjuk yang jelas. Kata-kata Mullā Aḥmad: “*al-taqlīd: al-i’tiqād al-muṭābiq ghayr al-thābit*.” Ciri ini menekankan peranan bukti dan dalil yang munasabah sebagai

---

17 Rujuk juga huraian Profesor al-Attas terhadap ilmu dan hubungannya dengan keyakinan, sangkaan dan kesangsian (*shakk*) dalam *Tinjauan Ringkas*, 5-6; dan *Risalah*, 50. Turut berkaitan adalah makalah penulis (Mohd Zaidi), “Logic in al-Ghazālī’s Theory of Certitude,” 99-108; dan makalahnya yang bertajuk “Keraguan sebagai Penjana Pengetahuan dan Pemacu Utama Kemajuan: Satu Kritikan Pendahuluan,” *Al-Hikmah* 7, bil. 1 (2001): 14-24.

sandaran atau asas dalam berpegangan atau berkepercayaan.

Perlu disedari bahawa setiap ciri di atas tadi bukannya sama sekali terpisah dari kedua-dua ciri yang lain itu; malah, setiap satu ciri itu saling memperkuat ciri-ciri yang lain. Justeru boleh disimpulkan bahawa hubungan antara ketiga-tiga ciri atau sifat di atas—yakni: yang benar, yang yakin dan yang berdalil—dalam membentuk keseluruhan yang diistilahkan sebagai “ilmu” itu berbentuk organik, bukan agregat.<sup>18</sup> Misalnya, kekuatan keyakinan itu berkait-rapat dengan mutu kekukuhan dan kadar kemunasabahan bukti-bukti; bahkan, tahap terendah keyakinan itu disebut sebagai *‘ilm al-yaqīn* kerana ia bersandarkan dalil-dalil dan proses memperoleh kesimpulan daripada dalil-dalil, petunjuk-petunjuk, atau tanda-tanda yang ada. Malah, perkataan *‘ilm* itu sendiri terbit dari akar-kata *‘alam* yang bermakna “alamat, tanda, petunjuk, atau bukti.”<sup>19</sup> Pada tahap ini, manusia perlu bergantung kepada aktiviti atau kegiatan berfikir yang betul. Bagaimanapun, ini sama sekali tidak bermaksud bahawa pada tahap-tahap keyakinan yang lebih tinggi—iaitu pada tahap kedua, *‘ayn al-yaqīn*, atau pada peringkat seterusnya, *‘aqq al-yaqīn*—

18 Keseluruhan yang bersifat organik berbeza daripada keseluruhan yang bersifat agregat kerana dalam kes yang pertama tadi sesuatu keseluruhan itu tidak sama dengan, malah lebih daripada, gabungan atau jumlah semua bahagiannya; manakala dalam kes yang kedua pula, sesuatu keseluruhan itu adalah sama dengan jumlah semua jujuknya, tidak lebih dan tidak kurang. Dengan kata lain, keseluruhan agregat itu semata-mata merupakan himpunan bahagian-bahagian yang sama-sama membentuknya; contohnya seperti satu kumpulan 10 biji limau yang tidak lain dan tidak bukan adalah himpunan biji-biji limau yang berjumlah sepuluh. Sebiji limau itu jika dipisahkan daripada kumpulan tersebut pun masih tetap bersifat dan berfungsi sebagai sebiji limau tanpa apa-apa kecacatan yang ketara. Sedangkan dalam kes tubuh manusia yang hidup sebagai satu contoh kesatuan organik, ianya bukan hanya kumpulan berbagai bahagian tubuh kerana jasad yang hidup dapat melakukan sesuatu yang lebih daripada hanya himpunan segala fungsi dan bawaan organ-organ tubuh yang berlainan. Bahkan, sesuatu bahagian tubuh yang hidup itu—seperti tangan misalnya—bila dipisahkan daripada kesatuan tersebut, tidak akan dapat bersifat dan berperanan dengan betul.

19 Untuk keterangan lanjut tentang makna *‘ilm* ini, lihat makalah penulis (Mohd Zaidi), “The Cosmos as the Created Book,” 31-53; dan “Kosmos dalam Pandangan Hidup Islam,” 12-31.

bukti-bukti itu sudah tidak diperlukan lagi. Ketiga-tiga tahap itu sememangnya melibatkan “asas atau bukti yang munasabah”; hanyasanya, yang membezakan setiap tahap itu ialah “kualiti atau mutu bukti” yang dimaksudkan, khasnya yang berkaitan dengan “langsung atau tidak langsungnya penyaksian atau pengalaman yang berlaku.” Pada dasarnya, *‘ilm al-yaqīn* berkaitan dengan keyakinan yang diperoleh melalui proses secara tidak langsung, iaitu usaha manusia memperoleh kesimpulan bersandarkan renungan fikirannya terhadap petunjuk-petunjuk atau bukti-bukti yang ada yang akhirnya memandu seseorang itu berjumpa dengan “perkara yang hendak dibuktikan atau ditunjuki.” Sedangkan, pada martabat-martabat yang lebih tinggi, wujudnya pengalaman langsung yang menjadikan “sesuatu yang hendak dibuktikan” itulah buktinya. Perkara ini akan lebih mudah difahami sekiranya dijadikan contoh berbagai tahap kepastian tentang “kematian” sebagaimana yang terkandung dalam maksud ayat ke-99, *sūrah al-Qur’ān* yang ke-15, *al-Hijr*.

### **Ilmu sebagai keterhasilan dan pencapaian makna**

Di samping berkenaan dengan kesimpulan atau pegangan yang benar, yakin dan berasaskan bukti, ilmu juga berkait rapat dengan keterhasilan dan pencapaian makna yang benar. Takrifan ilmu yang dimaksudkan ini sebenarnya telah dirumuskan kembali dan dikemukakan secara yang ketara oleh Profesor al-Attas, dalam beberapa karyanya tentang ilmu dan pendidikan — salah satu daripadanya ialah kertas kerjanya yang dibentangkan dalam Festival Zarrūq (*Mihrajān Zarrūq*) di Miṣrāṭah, Libya, dari 16 hingga 20 Jun 1980, sempena meraikan Ulangtahun ke-500 tokoh Sufi Agung di Afrika Utara, Sīdī Aḥmad Zarrūq (1442-1493).<sup>20</sup>

20 Kertas kerja beliau ini telah diterbitkan sebagai sebuah monograf bertajuk *The Positive Aspects of Taṣawwuf: Preliminary Thoughts on an Islamic Philosophy of Science*. Terdahulu daripada itu, al-Attas telah mengutarakan rumusan dan takrifannya tersebut dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education” yang dikemukakan dalam Persidangan Sedunia Pertama tentang

Ujar beliau,

Since all knowledge comes from God and is interpreted by the soul through its spiritual and physical faculties and senses, it follows that **knowledge**, with reference to God as being its origin, **is the arrival (*huṣūl*) in the soul of the meaning (*ma'nā*) of a thing or an object of knowledge (*huṣūl ma'na'l-shay' fi'l-nafs*); and that with reference to the soul as being its interpreter, **knowledge is the arrival (*wuṣūl*) of the soul at the meaning of a thing or an object of knowledge (*wuṣūl al-nafs ilā ma'na'l-shay'*).**<sup>21</sup>**

Takrifan itu dalam pengolahan Bahasa Melayu beliau berbunyi: “Ilmu itu *tibanya ma'na sesuatu pada diri*, dan

---

Pendidikan Islam (*The First World Conference on Muslim Education*) yang diadakan di Mekah dari 31 Mac hingga 8 April 1977. Kertas kerja beliau yang penting ini kemudiannya telah diterbitkan bersama-sama dengan beberapa kertas kerja persidangan tersebut yang terpilih dalam sebuah buku bertajuk *Aims and Objectives of Islamic Education* (London: King Abdulaziz University dan Hodder & Stoughton, 1979). Ia juga telah dijadikan sebagai bab ke-5 buku beliau yang bertajuk *Islām and Secularism*, 127-160. Beliau kemudiannya menegaskan lagi rumusannya ini—yang dihuraikan bersama-sama dengan beberapa lagi faham, atau konsep, penting Islam yang lain—dalam satu lagi kertas kerjanya yang dibentangkan dalam Persidangan Sedunia Kedua tentang Pendidikan Islam (*The Second World Conference on Muslim Education*) yang diadakan di Islamabad dari 15 hingga 20 Mac 1980. Kertas kerjanya ini kemudiannya diterbitkan sebagai sebuah monograf bertajuk *The Concept of Education in Islām: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Sejak dari itu, al-Attas telah berulang kali mengemuka dan menghuraikan takrifan tersebut dalam pelbagai tulisan dan syarahannya. Satu kajian yang mendalam tentang segi pemikiran al-Attas yang berhubung dengan ilmu dan pendidikan ini telah dijalankan oleh Wan Mohd Nor bin Wan Daud dan diterbitkan sebagai *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1998).

- 21 Al-Attas, *The Positive Aspects of Taṣawwuf*, 5; lihat juga al-Attas, *Islām and Secularism*, 154. [penegasan dalam dakwat hitam berganda merupakan tambahan oleh penulis]. Takrifan ini pernah dipetik oleh al-Imām Sa'd al-Din Mas'ūd b. 'Umar al-Taftāzānī dalam karya utamanya, *Sharḥ al-Maqāṣid*, ditahkikkan oleh Dr. 'Abd al-Rahman 'Umayrah, 5 jilid (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1989), 1: 191.

*berhasilnya diri menyerapinya.”<sup>22</sup>*

Antara kegunaan takrifan tersebut ialah keupayaannya menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan ilmu seperti yang berikut ini: yang pertamanya, pihak-pihak yang terlibat secara asasi dalam penghasilan ilmu; yang keduanya, sifat gerak-daya (atau proses) yang menjurus kepada terhasilnya ilmu; dan yang ketiganya, perolehan makna membezakan ilmu daripada maklumat.

1. Pihak-pihak yang terlibat secara asasi dalam penghasilan ilmu

Usaha menimba ilmu pastinya melibatkan setidaknya-tidaknya dua pihak, iaitu: pihak yang memberinya dan pihak yang menimbanya. Takrifan di atas menjelaskan bahawa Allah SWT merupakan Penganugerah ilmu dan kefahaman—ringkasnya, Tuhanlah Sumber Ilmu yang sebenarnya—manakala Insan merupakan penerima anugerah ilmu dan kefahaman tersebut. Ia merumuskan dengan baik kefahaman yang ditayangkan oleh ayat-ayat al-Qur‘ān berkenaan dengan ilmu dan perolehannya [misalnya *sūrat al-‘Alaq* (96): 5].

2. Sifat gerak-daya (atau proses) yang menjurus kepada terhasilnya ilmu

Gerak-daya (atau proses) ilmiah yang melibatkan insan sebagai penerima anugerah ilmu dan kefahaman itu tadi merupakan satu gerak-daya yang memiliki kedua-dua segi, rupa atau wajah, sekaligus:

- a. Rupa pasif: iaitu, segi *huṣūl* yang merujuk kepada insan sebagai *penerima* ilmu dan yang terpancar pada bahagian takrifan tersebut yang berbunyi “*the arrival in the soul of the meaning of a thing or an object of knowledge*”; dan
- b. Rupa aktif: iaitu, segi *wuṣūl* yang merujuk kepada insan sebagai *penuntut* atau *pencari* ilmu (*tālib*)—yang pasti memiliki kehendak yang kuat (*murīd*)—

<sup>22</sup> Al-Attas, *Risalah*, 122.



dan yang terbayang pada bahagian takrifan tersebut yang berbunyi “*the arrival of the soul at the meaning of a thing or an object of knowledge*”.

Meskipun setiap gerak-daya ilmiah pasti akan melibatkan kedua-dua wajah di atas, kadar ketaraan segi-segi tersebut berbeza-beza menurut insan-insan perseorangan dan jenis-jenis ilmu. Ada jenis-jenis ilmu yang usaha memperolehnya lazimnya lebih melibatkan segi *huṣūl*, dan terdapat juga bentuk-bentuk ilmu yang usaha untuk mendapatkannya lebih menonjolkan segi *wuṣūl*.<sup>23</sup> Umumnya, ilmu-ilmu yang wajah pasifnya itu lebih ketara dinamakan ilmu pengenalan manakala ilmu-ilmu yang wajah aktifnya itu lebih nyata dinamakan *ilmu pengetahuan*.<sup>24</sup> Ilmu Pengenalan inilah yang pada asasnya membentuk kumpulan ilmu yang penuntutannya menjadi kefarduan atas setiap seorang muslim yang mukallaf, iaitu ilmu yang bersifat *farḍ ‘ayn*.<sup>25</sup>

### 3. Perolehan makna membezakan ilmu daripada maklumat

Maklumat diperlukan dalam usaha seseorang memperoleh ilmu namun maklumat semata-mata tidak mencukupi untuk melayakkan seseorang itu berilmu. Ilmu sebetulnya melibatkan makna dan kefahaman. Perolehan seseorang itu

23 Bandingkan dengan beberapa butiran yang serupa dalam al-Imām Abū Hāmid al-Ghazzālī, *Jawāhir al-Qur’ān wa Duraruhu*, suntingan Lajnat Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī (Beirut: Manshūrāt Dār al-‘Āfāq al-Jadīdah, 1983), 13; lihat juga Mohd Zaidi, *The Sources of Knowledge*, 43.

24 Untuk huraian lanjut tentang *ilmu pengenalan* dan *ilmu pengetahuan* ini, sila rujuk al-Attas, *Risalah*, 51ff. dan *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlak* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1977), 57ff.. Karya beliau yang kedua di atas itu merupakan terjemahan beliau sendiri akan monografinya yang bertajuk *Islām: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality* yang asalnya ialah syarahan yang disampaikan olehnya dalam Muktamar Islam Antarabangsa, anjuran Majlis Islam Eropah, pada 5hb. April 1976 di Dewan Besar Royal Commonwealth Society, London. Ia turut dimuatkan sebagai Bab yang ke-3 dalam karyanya, *Islām and Secularism*. (Penerangan tentang kedua-dua jenis ilmu itu boleh didapatkan dalam halaman 73ff. buku ini.)

25 Lihat penjelasan lanjut al-Attas tentang *farḍ ‘ayn* dan *farḍ kifāyah* dalam ruang-lingkup *ilmu pengenalan* dan *ilmu pengetahuan* ini dalam *Islām: Faham Agama*, 67ff., dan *Islām and Secularism*, 78ff. dan 138ff.

akan ilmu melibatkan keterhasilan makna yang benar dalam dirinya dan pencapaian makna oleh diri ini pada dasarnya bermaksud pengenalannya akan kedudukan sebenar bagi sesuatu perkara itu dalam satu rangkaian susunan atau tatanan (sistem), yang terhasil apabila hubungan perkara itu dengan perkara-perkara yang lain dalam sistem tersebut menjadi jelas dan difahami.<sup>26</sup>

Kefahaman yang betul tentang perbezaan dan hubungan antara ilmu dan maklumat ini boleh membantu kita menilai secara yang betul kedudukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi—atau *Information and Communication Technology* (ICT)—dalam ruang-lingkup ilmu dan pendidikan. Pada dasarnya, ICT merupakan alat, atau perantaraan, untuk memudahkan kita “dimaklumkan” (*being informed*) dan “memaklumkan” (*informing or to inform*). Proses dimaklumkan dan memaklumkan yang berlaku antara manusia (sekurang-kurangnya antara seorang individu dan individu yang lain) itulah yang pada dasarnya dinamakan “komunikasi.” Perkara atau hal yang dimaklumkan itu pula umumnya dipanggil “maklumat.” Maklumat pula pelbagai jenis dan bentuk; antaranya: angka, data, warna, corak, gambar, bunyi, suara, lambang, teks, dan lain-lain. Peralatan dan perkakasan yang direka-cipta dan digunakan-pakai untuk memudahkan proses dimaklumkan-dan-memaklumkan di atas itu haruslah berkemampuan untuk menyampaikan atau menyalurkan maklumat dengan berkesan dan lancar dengan mengambilkira pelbagai faktor.<sup>27</sup>

26 Untuk penerangan yang lebih terperinci tentang makna ini dalam ruang-lingkup ilmu, kebenaran, dan hakikat kewujudan, sila rujuk al-Attas, *The Concept of Education*, 15ff.; dan idem, *Prolegomena*, 122ff. dan 132ff.

27 Antara faktor-faktor tersebut ialah: faktor jumlah: misalnya, banyak atau sedikit; faktor masa atau kecepatan: misalnya, laju atau perlahan; faktor kebagaaimanaan: misalnya, berwarna atau hitam-putih; imej 2 dimensi atau 3 dimensi; faktor kepelbagaian fungsi: misalnya, penghantaran teks dan imej sekaligus; penghantaran imej dan bunyi sekaligus; telefon dan televisyen sekaligus; faktor kualiti: misalnya, ketepatan dan ketajaman imej (*pixel*) atau bunyi (*hi-fi*); faktor keselesaan: misalnya, mudah alih dan ringan (DVD, CD, thumb-drive, i-Pod, dan sebagainya); faktor kos: misalnya, murah atau mahal; faktor bahan: misalnya, plastik atau keluli tahan karat; dan faktor keselamatan dan kesihatan: seperti, penggunaan gelombang yang tidak berbahaya; faktor luasan rangkuman serta rangkaian (seperti bilangan yang

Bagaimanapun, maklumat bukan ilmu walaupun ianya diperlukan untuk mencapai atau melahirkan ilmu. Peralatan atau perkakasan teknologi yang dimaksudkan di atas itu pada hakikatnya berperanan memperkasa keupayaan pelbagai indera—baik yang luaran (iaitu, pancaindera: lihat, dengar, bau, rasa dan sentuh) mahupun yang dalaman (seperti daya ingatan dan daya khayalan)—yang telah sedia dianugerahkan Tuhan kepada manusia. Tanggapan inderawi merupakan tahap awal bagi pemprosesan maklumat oleh diri insan dalam usaha ilmiah yang menghasilkan makna, kefahaman dan ilmu. Pemprosesan maklumat ke arah perolehan ilmu ini dinamakan pengabstrakan atau pentajridan (Bahasa Inggeris: *abstraction*; Bahasa Arab: *tajrid*).<sup>28</sup>

Kerana sifat dan tabiat manusia kebanyakan yang tidak pernah puas, peralatan dan perkakasan teknologi yang dinyatakan di atas itu akan sentiasa mengalami perubahan (dengan nama-nama yang pelbagai: penghasilan generasi baru; penambahbaikan; penjenamaan semula; dan lain-lain). Meskipun perubahan yang diperlukan mesti dilakukan supaya sesuatu masyarakat manusia itu tidak kaku dan akhirnya tenggelam dalam lipatan sejarah, segi perubahan seperti yang di atas inilah yang, jika tidak ditangani dengan penuh kebijaksanaan dan berhati-hati, bakal menjerat manusia dan menyebabkan mereka menjadikan ICT sebagai matlamat, bukan alat; penyudah, bukan pemudah.

Bagaimanakah manusia yang berdepan dengan lambakan maklumat tersebut mampu menapisnya,

---

berupaya dihubungi pada satu-satu ketika); faktor cakupan kepenggunaan; faktor kepadatan atau keamatan; faktor saluran penyampaian (seperti *wired* atau *wireless*) atau wahana penyampaian (misalnya, melalui satelit); faktor kaedah, bentuk atau cara penyaluran (seperti *analog* atau *digital*); faktor seni atau estetik; dan lain-lain lagi.

28 Untuk penjelasan ringkas tentang proses pengabstrakan atau pentajridan ini, lihat kedua-dua makalah berbahasa Inggeris penulis yang diterbitkan dalam akhbar *The Star*: satu daripadanya bertajuk “Knowledge and the Parable of Mirror,” (siaran pada 30 Mei 2006), manakala yang satu lagi berjudul “Hurdles to Gaining Knowledge” (siaran pada 25 Mac 2008). Untuk huraian lanjut, lihat Bab ke-4 (hal. 143-176) bertajuk “The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul” dalam al-Attas, *Prolegomena*; dan Mohd Zaidi, *The Sources of Knowledge*, khasnya Bab 1, 2 dan 3.

mengolahkannya, dan menghubungkan satu butiran maklumat dengan yang lainnya dalam satu rangkaian yang bermakna dan bermanfaat? Apakah dengan hanya berbekalkan ledakan maklumat yang datang seiringan dengan ICT ini seseorang manusia yang hidup di zaman sekarang akan menjadi lebih berilmu dan lebih bijaksana dalam kehidupannya berbanding dengan leluhur mereka? Yang pasti, kesedaran dan kefahaman yang betul tentang perbezaan dan kaitan antara maklumat dan ilmu merupakan salah satu daripada prasyarat-prasyarat utama bagi sesiapaupun untuk berdepan dengan cabaran, peluang dan ancaman yang mengiringi ICT, lebih-lebih lagi dalam suasana lambakan data semasa yang diibaratkan oleh Susantha Goonatilake, mantan Perunding Kanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi hal-ehwal Sains dan Teknologi, sebagai “limpahan air dari paip bomba yang cuba diminum melalui mulut manusia biasa.”<sup>29</sup> Kegagalan manusia untuk menggunakan ICT ini secara yang betul dan bermanfaat hanya akan menjerumuskan mereka ke kancah kekeliruan dan kebiadapan, dan akhirnya membiakkan seteru-seteru kepada kebijaksanaan dan peradaban!

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, adalah penting bagi umat Islam zaman ini kembali memerhatikan sumbangan ilmiah para ilmuwan Islam yang terdahulu dalam usaha mereka memajukan diri. Memandangkan penguasaan ilmu adalah syarat terpenting dalam usaha tersebut, tidak dapat tidak mereka harus kembali menelaah dan merumus semula segala perbincangan yang bermakna tentang ilmu—termasuklah pelbagai takrif ilmu—sambil mempertimbangkan hal-ehwal dan cabaran semasa mereka. Antara takrif-takrif ilmu yang masih kekal bermanfaat itu ialah: **yang pertama**, “ilmu sebagai sifat yang dengannya perkara yang disebut

---

29 Peter D. Hershock, Marietta Stepaniants, and Roger T. Ames (ed.), *Technology and Cultural Values On the Edge of the Third Millennium* (Honolulu: University of Hawai'i Press and East-West Philosophers Conference, 2003), 47.

itu menjadi nyata terang pada diri yang memilikinya”; **yang kedua**, “ilmu sebagai pegangan yang benar, yakin, lagi berasaskan bukti”; dan **yang ketiga**, sebagaimana yang dirumuskan oleh al-Attas, “ilmu sebagai *ketibaan ma’na sesuatu pada diri*, sekaligus *keberhasilan diri menyerapinya*.”

